



MENGHASUT: APAKAH MAKSUD, UKURAN DAN HUKUMNYA?

Setelah negara dikejutkan dan bersedih atas tragedi yang menimpa pesawat MH17 yang masih belum berakhir siasatannya, kini kita dikejutkan pula dengan episod lain yang juga tak kurang sedihnya iaitu penangkapan sejumlah individu termasuk tokoh politik, di bawah Akta Hasutan 1948. Sejak lebih kurang seminggu lepas, kita menyaksikan aktivis pelajar, Safwan Anang ditahan di bawah akta berkenaan. Beberapa pemimpin politik dari Pakatan Rakyat (PR) seperti RSN Rayer (DAP), Rafizi Ramli dan N. Surendran (PKR) serta Khalid Samad (PAS) juga dikenakan tindakan di bawah akta sama. Terbaru, Wan Ji Wan Hussin, seorang pendakwah bebas ditangkap di kediamannya di Shah Alam. Sebelumnya, antara tokoh politik yang turut didakwa di bawah akta tersebut termasuklah Teresa Kok (DAP), Tian Chua (PKR) dan Datuk Seri Mohamad Nizar Jamaluddin (PAS). Lebih mengejutkan apabila tokoh akademik turut menjadi mangsa akta terbabit iaitu Profesor Madya Dr Azmi Sharom dari Universiti Malaya (UM) dan tidak terkecuali wartawan portal Malaysiakini, Susan Loone. Ekoran pendakwaan ke atas Azmi, beratus-ratus mahasiswa dan kakitangan akademik UM mengadakan protes dan mendesak kerajaan menghapuskan akta warisan penjajah tersebut. Desakan yang sama turut datang dari banyak pihak agar kerajaan memansuhkan akta yang diluluskan penjajah sejak sebelum merdeka itu lagi.

Penangkapan beberapa individu di bawah Akta Hasutan menunjukkan kepada kita bahawa kebebasan bersuara yang dilaungkan di bawah sistem demokrasi hanyalah merupakan suatu pembohongan dan utopia. Seseorang bebas bersuara (tanpa ditangkap) sekiranya ia memuji dan mengampui pemerintah, namun sekiranya ia mengkritik atau "membahayakan" pemerintah dengan ucapannya itu, maka tidak ada lagi kebebasan bersuara untuknya. Sudah sedia maklum dalam mana-mana negara demokrasi, yang segala bentuk ucapan, penulisan dan tindakan yang menghentam, menghinakan, mengaibkan, memfitnah, mengeji, menyebarkan dan sebagainya terhadap musuh politik pemerintah, maka hal ini akan dibenarkan dan dibiarkan oleh pemerintah berkenaan. Namun, jika yang berlaku adalah sebaliknya, yakni sekiranya segala kritikan itu berlaku ke atas pemerintah, maka undang-undang yang ada akan digunakan oleh pemerintah untuk membungkam pelakunya. Inilah natijahnya apabila definisi "menghasut" diletak hak kepada pembuat undang-undang (ahli parlimen) yang memegang suara terbanyak, yang pastinya akan memberikan takrifan yang akan memihak kepada mereka.

Menurut Seksyen 2 Akta Hasutan 1948, "menghasut" apabila dipakai bagi atau digunakan berkenaan dengan apa-apa perbuatan, ucapan, perkataan, penerbitan atau apa-apa benda lain menjadikan perbuatan, ucapan, perkataan, penerbitan atau benda lain itu sebagai yang mempunyai kecenderungan menghasut. Seksyen 3 (1) (a) - (f) menjelaskan apakah yang dimaksudkan dengan "kecenderungan menghasut" manakala Seksyen 4 (1) (a) - (d) merupakan seksyen dakwaan untuk kesalahan menghasut yang jika sabit kesalahan boleh didenda tidak lebih lima ribu ringgit atau penjara tidak lebih tiga tahun atau kedua-duanya sekali. Seksyen 3 antara lain menjelaskan kategori kecenderungan menghasut iaitu "bagi mendatangkan kebencian atau penghinaan atau bagi membangkitkan perasaan tidak setia kepada mana-mana raja atau kerajaan". Manakala definisi menghasut mengikut Kamus Dewan bermaksud "menjadikan orang sakit hati atau marah kepada orang lain atau membangkitkan kemarahan atau kebencian seseorang terhadap orang lain."

Marah Dan Benci Hendaklah Kerana Allah

Islam telah menggariskan bahawa mencintai dan membenci itu hendaklah dilakukan kerana Allah semata-mata. Allah SWT telah melarang kaum Muslim mencintai orang-orang kafir, munafik dan fasik yang terang-terangan melakukan maksiat. At-Tirmidzi telah mengeluarkan hadis, dari Muadz bin Anas al-Juhani bahawa Rasulullah SAW bersabda, "*Barangsiapa yang memberi kerana Allah, tidak memberi kerana Allah, mencintai kerana Allah, membenci kerana Allah dan menikah kerana Allah, bererti ia telah sempurna imannya*". Imam Muslim juga telah meriwayatkan dari Abu Hurairah, ia berkata, Rasulullah SAW bersabda, "*Apabila Allah membenci seorang hamba, maka Allah akan memanggil Jibril dan berfirman, 'Sesungguhnya Aku membenci si Fulan, maka bencilah ia.'* Rasulullah SAW bersabda, "*Kemudian Jibril pun membencinya dan menyeru kepada penghuni langit, sesungguhnya Allah telah membenci si Fulan, maka bencilah ia.'* Rasul SAW bersabda, "*Kemudian mereka pun membencinya dan setelah itu kebencian baginya akan diletakkan di bumi.*"

Sabda Rasulullah SAW yang berbunyi "*dan setelah itu kebencian baginya akan diletakkan di bumi*" adalah kalimat yang bermakna *thalab* (tuntutan/perintah). Hal ini dapat dimengerti dengan adanya *dalalah al-iqtidha*. Ini kerana terdapat orang yang mencintai kaum kafir, munafik dan fasik yang terang-terangan melakukan maksiat dan ia tidak membenci mereka. Maka kebenaran perkara yang diberitakan dalam hadis itu mengharuskan bahawa yang dimaksud dengan berita adalah tuntutan, seolah-olah dalam hadis tersebut Rasulullah SAW bersabda, "*Wahai para penghuni bumi, bencilah orang yang dibenci Allah.*" Dengan demikian hadis ini menunjukkan wajibnya membenci orang yang dibenci oleh Allah.

Terdapat juga riwayat yang menjelaskan kebencian terhadap orang Islam yang menampakkan keburukan (secara terang-terangan). Imam Ahmad, Abdur Razak dan Abu Ya'la telah mengeluarkan hadis dengan

isnad hasan, juga al-Hakim dalam al-Mustadrak, ia berkata hadis ini sahih sesuai dengan syarat Muslim. Dari Abu Faras, ia berkata, Umar bin al-Khathab pernah berkhutbah dan berkata, "*Barangsiapa di antara kalian menampakkan suatu keburukan, maka kami pun akan mengiranya berperilaku buruk dan kami akan membencinya kerana kejahatan itu.*" [Hizbut Tahrir, *Min Muqawwimat al-Nafsiyyah al-Islamiyyah*]

Dengan demikian, cinta kerana Allah dan benci kerana Allah termasuk sifat yang wajib dimiliki oleh seorang Muslim. Jadi, berdasarkan nas, kita dibenarkan, malah dituntut untuk marah dan benci sesuatu yang dibenci oleh Allah dan menyampaikan hal ini kepada orang lain agar ia melakukan hal yang sama. Justeru "menghasut" seseorang agar membenci apa yang dibenci (menyalahi) Islam, adalah dibolehkan dan begitulah sebaliknya. Dengan kata lain, benar atau salah sesuatu ucapan, tulisan atau perbuatan itu dari segi boleh membangkitkan kebencian terhadap orang lain, ia hendaklah dinilai dengan nas semata-mata dan bukannya dinilai menurut akal manusia atau menurut undang-undang yang dibuat oleh manusia.

Hak Dan Kewajipan Bersuara Menurut Islam

Sebagai Muslim, kita seharusnya melihat dan menilai sesuatu itu berdasarkan hukum syarak semata-mata. Sesuatu akan dinilai salah apabila bertentangan dengan syarak dan dinilai benar apabila bertepatan dengan syarak. Ini termasuklah soal kebebasan bersuara dan menghasut. Sesungguhnya Islam tidak mengenal kebebasan bersuara (*freedom of speech*) sebagaimana demokrasi. Dalam Islam, penganutnya "tidak bebas bersuara" kerana terikat oleh syarak. Seseorang Muslim tidak boleh mengucapkan sesuatu semahunya seperti ia tidak boleh mengucapkan kata-kata kufur, tidak boleh menghina orang lain, tidak boleh memfitnah, mengumpat, memaki hamun, berkata keji, lucah dan sebagainya, malah tidak boleh mengatakan sesuatu dengan niat menyakiti orang lain. Pendek kata,

seseorang Muslim itu tidak bebas berkata-kata kerana “terikat” oleh syarak dan ia hanya dituntut untuk berkata-kata yang baik sahaja. Sabda Rasulullah SAW, “*Barangsiapa yang beriman kepada Allah dan hari Akhir, maka berkatalah yang baik atau diam*” [HR Bukhari]. Sesiapa yang berkata-kata dengan melanggar syarak, maka ia telah berdosa dan boleh dikenakan *ta'zir*.

Seseorang Muslim malah diwajibkan membenci orang-orang yang mengucapkan atau melakukan sesuatu yang haram seperti di atas. Bukan sekadar itu, bahkan seseorang Muslim itu wajib memuasabah pelaku maksiat terbabit dan tidak dibenarkan berdiam diri dengan kemungkaran yang ia dengar atau lihat. Sabda Rasulullah SAW, “*Barangsiapa di antara kalian yang melihat kemungkaran, hendaklah ia mengubahnya dengan tangannya; jika tidak mampu, hendaklah dengan lisannya; jika tidak mampu, hendaklah dengan hatinya. Akan tetapi, yang demikian itu (dengan hati) adalah selemah-lemahnya iman*” [HR Muslim]. Merubah kemungkaran dengan lisan (ucapan) merupakan salah satu bentuk tuntutan atau dengan kata lain, berkata-kata benar dalam Islam bukan sekadar hak, malah menjadi kewajipan setiap Muslim.

Sekiranya seseorang Muslim itu telah mengucapkan sesuatu yang baik dan hak (benar), termasuk mengkritik dan memuasabah penguasa, ini tidak termasuk dalam kategori ucapan/hasutan yang diharamkan oleh Islam meskipun ucapannya itu dimarahi dan dibenci oleh penguasa dan ia ditangkap dan dihukum oleh penguasa kerananya. Rasulullah SAW malah menjanjikan ganjaran yang besar kepada orang yang mengucapkan kata-kata yang benar di hadapan penguasa yang zalim melalui sabda baginda, “*Penghulu para syuhada adalah Hamzah bin Abdul Muthalib dan orang yang berhadapan dengan pemerintah yang zalim, lalu dia mengingatkan penguasa tersebut (kepada kemakrufan) dan melarangnya (dari kemungkaran), kemudian penguasa itu membunuhnya*” [HR al-Hakim]. Oleh itu, mengucapkan kebenaran di tengah-tengah masyarakat, walaupun menimbulkan kebencian dan kemarahan penguasa atau sesiapa sahaja, maka sesungguhnya hal ini tidak termasuk dalam kategori “menghasut” yang diharamkan.

Bentuk-bentuk Menghasut Yang Diharamkan

Sebagaimana yang telah dijelaskan di atas, mengatakan sesuatu yang diharamkan oleh Islam adalah suatu kesalahan dan dosa dan boleh dikenakan hukuman. Menghasut orang lain untuk melakukan kejahatan merupakan kesalahan dan dosa yang lebih besar lagi kerana “kesan” yang diakibatkan oleh perbuatan tersebut lebih besar dan meluas. Oleh sebab itulah Syeikh Abdurrahman al-Maliki di dalam kitabnya, *Nidzam al-Uqubat*, di samping menjelaskan apakah kesalahan-kesalahan yang termasuk dalam kategori menghasut, menyarankan hukuman yang berat kepada para penghasut sehingga ke tahap hukum bunuh untuk kes-kes pelanggaran syarak yang serius. Beliau menegaskan yang hukuman berat akan bertindak sebagai *zawajir* (pencegah) bagi kesalahan-kesalahan yang serius.

Abdurrahman al-Maliki memberikan contoh bahawa syarak (hadis) telah menetapkan bahawa, jika dibaiah dua orang Imam (Khalifah) maka yang terakhir harus dibunuh, akan tetapi syarak tidak menetapkan hukuman bagi orang yang menghasut masyarakat dan mengumpulkan masyarakat untuk membaiah Imam yang kedua tersebut, setelah terjadinya pembaiatan Imam yang pertama. Sementara orang yang menghasut tadi bukanlah orang yang diangkat sebagai Imam bagi masyarakat. Oleh kerana itu, pengertian hadis tersebut tidak boleh diterapkan pada orang yang bersangkutan kerana ia bukan Imam. Namun demikian, kejahatannya jauh lebih besar daripada orang yang dibaiah (Imam kedua) tersebut. Oleh itu, Khalifah boleh menetapkan hukum bunuh ke atasnya.

Begitu juga tegas Syeikh Abdurrahman lagi, bahawa Imam (Khalifah) boleh menetapkan hukum bunuh bagi orang yang menyerukan nasionalisme, baik nasionalisme Arab, Turki, Parsi atau Barbariah dan lain-lain. Imam juga boleh menjatuhkan hukum bunuh bagi orang yang mengatur dan menggerakkan masyarakat kepada nasionalisme,

termasuklah menubuhkan parti atas dasar nasionalisme. Memang, dalam hal ini tidak ada nas dari al-Syari' yang menetapkan hukuman tertentu bagi kes-kes seperti ini. Akan tetapi telah dimaklumi bahawa akibat dari hasutan dan propaganda nasionalisme adalah terpecahnya kesatuan Daulah Islamiyyah, bahkan terpecahnya kaum Muslimin itu sendiri. Dengan begitu, maka terhadap orang-orang yang menyerukan idea-idea semacam ini, Imam boleh menjatuhkan hukuman bunuh ke atasnya. Demikian pula bagi orang yang menyerukan pemisahan negeri Islam dari tubuh Daulah Islamiyyah. Hal ini (hukuman bunuh) boleh difahami dari sabda Rasulullah SAW, “*Barangsiapa mendatangi kalian dan memerintahkan kalian dengan maksud memecah-belahkan persatuan kalian atau memisahkan dari jamaah kalian, maka bunuhlah ia.*” Akan tetapi, perlu difahami bahawa hukuman ini bukanlah hudud, namun termasuk dalam kategori *ta'zir*, di mana untuk melaksanakannya diserahkan kepada (ijtihad) Imam.

Lebih lanjut, menurut al-Maliki lagi, setiap orang yang melakukan aktiviti penyebaran ideologi atau pemikiran kufur di tengah-tengah kaum Muslimin, maka akan dikenakan *ta'zir* penjara antara 2-10 tahun. Hal ini jika orang tersebut adalah non-Muslim. Jika pelakunya seorang Muslim, maka kepadanya ditetapkan hukuman murtad, yakni dibunuh. Manakala setiap tulisan atau seruan yang mengandungi celaan terhadap salah satu dari akidah Islam, maka pelakunya akan dikenakan *ta'zir* penjara antara 5-15 tahun, jika pelakunya non-Muslim atau celaannya tidak sampai mengkafirkan pengucapnya. Namun jika pelakunya seorang Muslim dan jika celaan tersebut dapat mengkafirkan pengucapnya, maka ia akan dikenakan hukuman murtad (hukuman bunuh).

Masih banyak penerangan dan rincian lainnya yang dijelaskan oleh Syeikh Abdurrahman al-Maliki di dalam kitabnya di atas berhubung kesalahan menghasut dan penyebaran atau propaganda yang menjadi kesalahan dan boleh dita'zir. Ringkasnya, menghasut yang menjadi kesalahan adalah meniupkan atau menyebarkan atau menyeru atau mengapi-apikan orang lain untuk melakukan apa sahaja yang diharamkan oleh Islam. Dengan demikian, menghasut orang untuk mengamalkan kebebasan (*freedom*), sekularisme, nasionalisme, patriotisme, liberalisme, pluralisme dan pelbagai isme lagi jelas merupakan kesalahan dan dosa. Begitu juga menghasut orang untuk mengambil, mengamalkan dan menyebarkan sistem demokrasi juga merupakan kesalahan dan dosa kerana ini semua merupakan hukum kufur yang haram ke atas umat Islam. Termasuk juga menyeru atau menghasut orang untuk mengambil pinjaman riba, insurans, saham dan lain-lain perkara yang diharamkan Islam, semua ini adalah kesalahan dan dosa. Orang yang melakukan kesalahan-kesalahan inilah yang sepatutnya ditangkap oleh pemerintah, dibicarakan dan dihukum jika didapati bersalah.

Khatimah

Wahai kaum Muslimin! Desakan untuk menghapuskan Akta Hasutan adalah wajar, malah wajib dilakukan, kerana ia merupakan akta tinggalan penjajah. Namun, tidakkah kalian sedar bahawa banyak lagi akta lainnya yang juga merupakan tinggalan penjajah? Tidakkah kalian sedar yang Perlembagaan Persekutuan itu juga adalah tinggalan penjajah? Tidakkah kalian sedar yang sistem demokrasi itu juga adalah tinggalan penjajah? Semua itu adalah sistem dan undang-undang kufur tinggalan penjajah. Justeru, tidak ada gunanya menolak Akta Hasutan jika tidak menolak sistem demokrasi yang melahirkan akta tersebut. Selagi ada sistem demokrasi, ribuan akta lain yang lebih kejam dari akta yang sedia ada boleh dibuat oleh golongan yang memegang suara majoriti. Wahai mereka yang mempunyai mata hati! Campakkanlah keseluruhan sistem tinggalan penjajah dan kembalilah kepada sistem warisan Rasulullah SAW yang diwariskan kepada para sahabat dan kepada kita semua yakni sistem Khilafah. Campakkanlah hukum (undang-undang) tinggalan penjajah dan kembalilah berhubung dengan dua perkara yang ditinggalkan oleh Rasulullah SAW kepada kita semua, “*Aku tinggalkan kepada kalian dua perkara, kalian tidak akan sesat buat selama-lamanya, selagimana kalian berpegang teguh kepada kedua-duanya (iaitu) Kitabullah (al-Quran) dan Sunnahku*” [HR Muslim]. *Wallahu a'lam.*